

26 NOV 2000

Mahathir-Cina

K'JAAN BANYAK BANTU MASYARAKAT CINA SEMASA KEGAWATAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

JITRA, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan telah banyak membantu masyarakat peniaga Cina melalui program pemulihan ekonomi negara supaya mereka tidak menjadi bankrap.

Perdana Menteri berkata beliau percaya ramai peniaga Cina akan menjadi bankrap jika kerajaan tidak membantu mereka ketika kegawatan ekonomi sebelum pilihan raya umum 1999 lalu.

Bagaimanapun, beliau agak kecewa dengan balasan yang diterima daripada sesetengah golongan seperti Pergerakan Pendidikan Cina yang dikatakan menyokong pembangkang pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas sekarang.

"Sebelum pilihan raya umum (yang lalu), kita banyak tolong orang Cina. Kalau tidak mereka bankrap. Tetapi ini balasan yang kita dapat," katanya pada pemberita selepas melawat kawasan banjir dan pusat pemindahan banjir di Kubang Pasu, kawasan Parlimen beliau.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan pemberita bahawa terdapat laporan yang menyatakan Pergerakan Pendidikan Cina menyokong pembangkang pada pilihan raya kecil Lunas sekarang.

Dr Mahathir berkata jika benar pergerakan itu menyokong pembangkang, mereka sepatutnya meminta bantuan daripada pembangkang dan bukan kerajaan lagi.

Beliau berkata kerajaan dapat mengatasi berbagai-bagai masalah yang membabitkan masyarakat Cina termasuk Sekolah Wawasan.

Perdana Menteri turut menyatakan rasa kesalnya terhadap pergerakan itu yang tidak mahu bercampur dengan yang lain dan hanya ingin mengasingkan diri.

Mengenai dakwaan pembangkang semasa kempen pilihan raya kecil Lunas bahawa kononnya pembangunan hanya diperolehi apabila wakil rakyat meninggal dunia, Dr Mahathir berkata: "Pembangunan tidak ada kena mengena dengan kematian wakil rakyat kerana ia dijalankan secara berterusan".

Perdana Menteri menyifatkan dakwaan itu sebagai pandangan kotor pembangkang.

"Di tempat saya (Kubang Pasu) ada pembangunan. Saya belum meninggal dunia lagi. Di tempat lain pun begitu juga," katanya.

Dr Mahathir berkata pembangkang memainkan isu perkauman dengan melaungkan slogan "bahasa jiwa bangsa" ketika berkempen di tempat Cina dan menggunakan slogan yang sama apabila berkempen di tempat Melayu.

Pembangkang juga meletakkan calon berdasarkan keturunan dengan tidak mahu meletakkan calon India di kawasan itu, katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan ini berbeza dengan Barisan Nasional (BN) yang meletakkan calon tanpa mengikut keturunan.

Menurutnya pembangkang lebih menunjukkan sifat perkauman kerana tidak mahu memberi orang India bertanding mewakili mereka pada pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undang Negeri Lunas akan diadakan Rabu ini.

-- BERNAMA

JM NAK